

## Teknologi dan Media Sosial dalam Komunikasi Ibubapa dan Anak-anak

NURHAMIZAH HASHIM  
ASBAH RAZALI  
*Universiti Malaya*

### ABSTRAK

Media sosial dan teknologi yang berkembang pada hari ini memberikan pengaruh yang besar kepada pembangunan diri golongan kanak-kanak mahupun golongan remaja. Golongan remaja lebih gemar menghabiskan masa dengan mengakses internet, bermain permainan video dan telefon pintar berbanding berinteraksi dengan keluarga terutamanya ibu dan bapa. Hal yang demikian boleh menyebabkan kualiti komunikasi golongan remaja dengan ibu bapa mereka menjadi semakin rendah. Isu ini turut diakui oleh kebanyakan kajian lepas yang bersetuju bahawa penggunaan teknologi secara berlebihan akan menyebabkan komunikasi anak-anak dengan ibu bapa menjadi kurang berkesan sehingga wujudnya jurang komunikasi dalam keluarga dan hal ini turut membantutkan perkembangan sosial mereka. Kertas kerja ini bertujuan menjelaskan konsep media dan teknologi, komunikasi ibu bapa dan anak-anak serta menghuraikan kesan media dan teknologi terhadap komunikasi keluarga dalam masyarakat Melayu agar tidak mengakis hubungan kekeluargaan yang selama ini terjalin erat tanpa adanya media dan teknologi. Teori Sistem Keluarga digunakan dalam membincangkan pembangunan diri anak-anak dari sudut interaksi dan komunikasi dengan orang lain hasil daripada kehadiran media dan teknologi. Di samping itu juga, cadangan berkaitan strategi praktikal kepada ibu bapa turut dikemukakan agar ibu bapa lebih memahami cara penggunaan media dan teknologi dalam menangani cabaran budaya moden ini. Strategi serta cadangan yang dikemukakan diharap dapat memberikan lebih kefahaman kepada ibu bapa berkaitan media dan teknologi agar perkara ini tidak memberikan kesan negatif dalam komunikasi mereka dengan anak-anak. Sehubungan itu, kertas kerja ini diharap dapat digunakan sebagai model rujukan remaja dan ibu bapa untuk mengatasi ancaman media dan teknologi yang kian berkembang dalam kehidupan hari ini.

**Kata kunci:** *Komunikasi, ibu bapa, remaja, media, teknologi.*

## Technology and Social Media in Communication between Parents and Children

### ABSTRACT

The advancement of technology and social media today give huge impacts on children's especially on teenagers' life. Nowadays, teenagers spend most of their times on surfing the Internet, playing video games and playing with their smartphones rather than interacting with their family members, especially their parents. This may lead to lack of quality in communication between teenagers and their parents. This issue had been addressed in recent studies which agreed on the excessive use of technology as the source of gap in communication between family members and also stunt their social development. This paper aims to explain the concept of media and technology as well as to describe its impact on communication among family in Malay community. The theory of family system is used in discussing the self-development aspect of teenagers in the perspective of interaction and communication as a result of media and technology presence. In addition, suggestions on practical strategy for parents are presented in order to provide them with better understanding about the proper way of using media and technology in today's challenging modern culture. It is hoped that parents would then have media understanding so that this does not

negatively affect their communication with children. This paper is hoped to be used as a model for teenagers and parents references to overcome the obstacles that come along with the development of today's media and technology.

**Keywords:** *Communication, parents, teenagers, media, technology.*

## PENGENALAN

Dewasa ini, media sosial dan teknologi memainkan peranan penting untuk merealisasikan impian masyarakat ke arah kehidupan yang lebih moden. Kemajuan dalam bidang media sosial dan teknologi membuatkan kegunaannya dalam kehidupan seharian manusia menjadi semakin penting, terutamanya dalam kalangan remaja. Dengan kaedah baru ini, komunikasi dan perkongsian maklumat begitu mudah diperolehi sehingga remaja hari ini lebih dilihat lebih gemar menghabiskan masa dengan telefon pintar dan bermain permainan video daripada berinteraksi dengan individu yang berada di sekelilingnya. Malah statistik menunjukkan penggunaan media sosial dan teknologi dalam kalangan remaja di dunia yang telah meningkat sebanyak 444.8% dalam tempoh 10 tahun, iaitu dari tahun 2000 hingga 2010 (*Internet World Stats, 2011*). Perkembangan media sosial dan teknologi yang berlaku dalam kehidupan kita pada hari ini menyebabkan komunikasi lisan semakin berkurangan. Ibu bapa semakin sukar untuk terlibat dalam komunikasi dua hala dengan anak-anak mereka. Perkembangan media sosial dan teknologi juga menyebabkan ibu bapa perlu bersaing dengan teknologi yang merupakan sebahagian daripada kehidupan anak-anak muda pada hari ini (Subrahmanyam & Greenfield, 2008). Kesan daripada ketaksuban remaja terhadap media sosial dan teknologi telah menjauhkan komunikasi mereka dengan persekitarannya. Ibu bapa perlu memainkan peranan dalam memastikan media sosial dan teknologi yang hadir dalam kehidupan remaja tidak mengganggu perkembangan diri kerana perkembangan diri anak-anak berlaku daripada proses komunikasi mereka dengan persekitarannya. Untuk lebih berkesan, komunikasi di antara anak-anak dan ibu bapa haruslah berlaku dalam tempoh masa yang panjang (Bronfenbrenner, 1986). Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan bagaimana kehadiran media sosial dan teknologi memberikan kesan kepada komunikasi di antara ibu bapa dan anak-anak. Kertas kerja konsep ini juga memberikan tumpuan kepada kekurangan kajian-kajian lepas dengan menggunakan teori sistem keluarga untuk menumpukan faktor kehadiran sistem luar yang mengganggu komunikasi dalam sesebuah keluarga.

## KONSEP MEDIA MASSA DAN TEKNOLOGI

Media massa merupakan satu saluran yang digunakan untuk menyebarkan mesej dengan tujuan untuk menarik perhatian penonton yang ramai (Mohamad Hafifi, Nurzali, Jamilah & Darshan, 2017). Media cetak pula menggunakan objek fizikal seperti akhbar, buku, risalah, atau komik untuk menyebarkan maklumat mereka. Di bawah payung media massa terdapat media sosial yang turut mendapat tempat dalam kalangan remaja di serata dunia pada hari ini. Manakala media sosial merupakan jaringan sosial di mana setiap orang boleh membuat laman web secara peribadi, kemudian berhubung dengan rakan-rakan untuk berkongsi maklumat dan berkomunikasi. Antara contoh jaringan media sosial yang terkenal pada masa kini seperti *Facebook, Youtube, Twitter, Blog, WhatsApp, Telegram, WhatsApp, Instagram* dan banyak lagi. Seterusnya, istilah teknologi pula berasal daripada gabungan dua perkataan, iaitu *techne* dan *logos*. *Techne* dalam bahasa Yunani bermakna seni atau kerja tangan dan *logos* bererti wacana atau kajian sistematis. Mesthere (1970) telah

mendefinisikan teknologi sebagai 'satu himpunan ilmu yang tersusun dan berkaitan serta berperanan untuk mencapai matlamat yang bersifat praktikal. Istilah teknologi merupakan satu konsep yang luas maknanya dan boleh mempunyai lebih daripada satu takrifan. Teknologi yang berkembang dengan pesat membolehkan manusia dari seluruh dunia berhubung dan berkomunikasi antara satu sama lain dengan cepat dan di mana saja. Hal ini menyebabkan golongan muda pada hari ini lebih banyak menggunakan teknologi untuk memudahkan komunikasi seharian. Penggunaan teknologi yang semakin meluas ini disebabkan oleh faedah yang diperolehi terutamanya dalam mewujudkan komunikasi yang lebih pantas dan berkesan.

#### KONSEP KOMUNIKASI DALAM KELUARGA

Komunikasi merupakan satu proses mewujudkan, memproses dan bertukar maklumat antara individu, kumpulan dan organisasi sosial. Tujuan utama komunikasi adalah untuk menciptakan komunikasi berterusan dan dinamik, mengubah atau menukar pengetahuan, sikap dan tingkah laku selaras dengan nilai dan kepentingan dalam beberapa bahagian interaksi (Sobkowiak, 1998). Dalam sesebuah keluarga misalnya, ibu dan bapa memainkan peranan yang amat penting dalam proses komunikasi sama ada bersama-sama dengan anak-anak mahupun dengan saudara mara. Antara bentuk-bentuk komunikasi dalam keluarga adalah komunikasi lisan dan bukan lisan. Contoh komunikasi lisan adalah ibu bapa berbincang dengan anak-anak untuk penetapan peraturan, memberikan maklumat yang jelas, memberikan pandangan dan pendapat dan memberikan sokongan yang membina. Komunikasi lisan yang positif oleh ibu bapa akan membawa kepada sikap yang optimis, memiliki keyakinan diri, membolehkan anak-anak menyuarakan pendapat dan meluahkan masalah kepada ibu bapa. Sebaliknya anak-anak yang kurang berkomunikasi dengan ibu bapa akan mengalami masalah seperti masalah juvana, penyakit mental, tekanan, konflik dalam diri sendiri, masalah interpersonal, bunuh diri, penurunan dalam pencapaian akademik, pengambilan alkohol, penyalahgunaan dadah dan bersikap emosional. Ini kerana pada peringkat remaja, anak-anak lebih mudah terpengaruh dengan keadaan persekitaran mereka terutamanya rakan-rakan. Oleh itu, komunikasi dua hala sangat penting dalam sesebuah keluarga untuk membolehkan anak-anak mengetahui peraturan dalam hubungan sosial termasuklah dari aspek tingkah laku dan sifat peribadi yang akan membawa kepada pembentukan identiti dalam diri mereka (Ika Destiana, Ali Salman & Mohd Helmi, 2013).

#### TEORI SISTEM KELUARGA

Teori sistem keluarga dapat digunakan dalam membincangkan hal yang berkaitan dengan media sosial dan teknologi dengan komunikasi di antara ibu bapa dan anak-anak. Teori ini menegaskan kemasukan unsur-unsur baru dalam keluarga secara tidak langsung memberi kesan kepada masalah komunikasi dan mengganggu fungsi sesebuah keluarga. Ia sekali gus mengalih tumpuan anak-anak terhadap ibu dan bapanya (Smith, Berthelsen & O'Connor, 1997). Masalah ini semakin hebat apabila ibu bapa tidak lagi berupaya untuk berkomunikasi dengan anak-anak dan ini menunjukkan kelemahan peranan atau fungsi mereka sebagai ibu bapa. Teori sistem keluarga menganggap keluarga sebagai sistem sosial, yang terdiri daripada beberapa subsistem yang kompleks. Setiap subsistem mempengaruhi dan dipengaruhi oleh subsistem yang lain. Sebagai satu subsistem yang saling berkait di antara satu sama lain, masalah komunikasi di antara ibu bapa dan anak-anak adalah saling berkaitan antara satu sama lain dan komunikasi dua hala adalah bertujuan untuk

mengkekalkan keseimbangan sistem dalam sesebuah keluarga. Ini kerana, komunikasi sangat penting dalam proses pemberian maklumat, kasih sayang, sokongan antara ibu bapa dan anak-anak. Justeru itu, setiap ahli adalah bergantung di antara satu sama lain dan juga saling mempengaruhi. Teori sistem juga menerangkan bagaimana ibu bapa memberi respons terhadap sebarang perubahan, bukan sahaja perubahan yang hadir di dalam keluarga tetapi juga terhadap perubahan luaran yang memberi cabaran kepada kestabilan sesebuah keluarga untuk berfungsi secara efektif.

Teori sistem keluarga digunakan dengan meluas untuk menerangkan kefungsiannya keluarga khususnya berkaitan hubungan di antara ibu bapa dan anak. Ia menerangkan komunikasi kompleks yang berlaku dalam keluarga dan juga faktor yang mempengaruhi proses membuat keputusan dan menetapkan pencapaian matlamat tertentu. Proses pencapaian matlamat antara ibu bapa dan anak-anak terhasil daripada komunikasi terbuka yang membolehkan proses penyampaian maklumat dan emosi lebih mudah. Jika ibu bapa menggunakan bentuk komunikasi terbuka dengan anak-anak, mereka dapat membentuk penyesuaian diri anak-anak, mewujudkan suasana positif, persefahaman, dan perkembangan anak-anak menjadi lebih sihat (Barnes & Olson, 1985). Sebaliknya, jika ibu bapa mempunyai masalah dalam komunikasi, anak-anak tidak dapat memberikan pandangan mereka dan akan menimbulkan konflik seperti pertengkaran kerana anak-anak tidak mampu untuk menyatakan pandangan dan tidak dapat meluahkan masalah mereka. Teori sistem keluarga mengandaikan bahawa, ahli keluarga yang berusaha mengekalkan keseimbangan dalam hubungan antara satu sama lain dapat mengekalkan kefungsiannya keluarga. Jika anggota keluarga mematuhi peraturan dan menjalankan tanggungjawab mereka, keseimbangan dapat dikekalkan. Hal ini memberikan manfaat kepada ibu bapa dalam memastikan anak-anak tidak terlibat dengan tingkah laku negatif.

Cox dan Paley (1997) membincangkan empat prinsip teori sistem keluarga, iaitu kesepaduan, struktur hierarki, penstabilan diri dan penyesuaian diri sendiri. Ini bermakna, dalam sistem keluarga, keseluruhan rangkaian yang ada di dalamnya perlu diambil kira. Keluarga juga perlu dilihat sebagai struktur hierarki dan subsistem yang berbeza-beza seperti ibu bapa atau adik-beradik, tetapi subsistem-subsistem ini perlu wujud bersama dalam sistem yang lebih besar. Hal inilah yang akan memudahkan ahli keluarga berinteraksi dalam subsistem-subsistem yang lebih kecil ini tanpa campur tangan pihak luar. Penstabilan diri dan penyesuaian diri pula merujuk kepada dua cara untuk memberi respons kepada pengaruh luar terhadap keluarga. Penstabilan diri memberikan keluarga sumber-sumber yang diperlukan untuk menyesuaikan diri apabila sesuatu struktur dalam keluarga berubah, seperti apabila ada ahli keluarga yang menyimpang dari sempadan yang telah ditetapkan. Manakala penyesuaian diri merujuk kepada proses penyusunan semula keluarga apabila pengaruh luaran mengubah sistem keluarga. Ia bergantung kepada kemampuan ibu bapa untuk menyesuaikan dirinya terhadap perubahan dalam sesebuah keluarga supaya sistem dalam keluarga dapat berfungsi dengan baik. Menggunakan teori sistem keluarga dalam memahami hubungan antara komunikasi ibu bapa dan anak-anak dengan penggunaan media sosial dan teknologi sememangnya sangat tepat. Penyesuaian diri berlaku dalam keluarga apabila anak-anak dilihat lebih kerap menggunakan media sosial berbanding dengan berkomunikasi dengan kedua ibu bapa mereka. Hal ini menyebabkan ibu bapa perlu menyesuaikan diri apabila faktor luaran hadir dan mengubah sistem keluarga. Oleh kerana media sosial merupakan unsur yang penting dalam kehidupan anak-anak, ibu bapa perlu mengambil kira kehadiran ini dalam sistem keluarga. Sebelum kehadiran media sosial dan teknologi, sistem keluarga sebenarnya telah dipengaruhi oleh kehadiran faktor luaran, iaitu

adanya rakan-rakan dalam kehidupan anak-anak, namun hari ini, media sosial dan teknologi menjadi satu lagi cabaran besar dalam sistem keluarga yang perlu dihadapi oleh ibu bapa. Maka, teori sistem keluarga memberikan tumpuan kepada ibu bapa bagaimana untuk menyesuaikan diri dan menyusun semula strategi komunikasi apabila pengaruh luaran ini hadir.

## SOROTAN LITERATUR

### *a) Remaja dan Media Sosial*

Remaja merupakan kumpulan pengguna terbesar media sosial. Mereka adalah pengguna terpenting dalam pembentukan media sosial seperti rangkaian sosial, blog dan perkongsian foto dan video (Subrahmanyam & Greenfield, 2008). Remaja hari ini lahir disaat penggunaan media sosial sedang pesat berkembang dan menjadi salah satu punca mereka mengalami kesukaran untuk memisahkan diri mereka dari media. Carr (2011) menggelar remaja hari ini sebagai 'pengguna digital', yang mewujudkan jurang di antara remaja dengan ibu bapa mereka. Ini kerana, usia remaja adalah satu tempoh masa untuk bebas daripada kawalan ibu dan bapa. Malah pada usia remaja, mereka tidak mahu berasa terasing dan dipinggirkan sebaya sekiranya mereka ketinggalan dan tidak mengikuti perkembangan semasa (Richards, McGee, Williams, Welch & Hancox, 2010). Akibatnya, kebanyakan masa mereka dihabiskan dengan media sosial yang akhirnya mempengaruhi kehidupan mereka. Hal ini akan memberikan kesan kepada pelarasan psikologi dan membawa kepada tingkah laku masalah seperti tingkah laku yang menyimpang dan kemurungan. Kemunculan media sosial jelas memberi impak yang amat besar terhadap kehidupan manusia terutamanya bagi golongan remaja yang secara langsung telah mengubah pola kehidupan masyarakat, budaya, cara berfikir dan hampir segala aspek dalam kehidupan. Bagi generasi Y, mereka telah bergantung sepenuhnya pada media sosial dan media baru ini berjaya mempengaruhi cara hidup mereka (Bolton, Parasuraman, Hoefnagels, Michels, Kabadayi, Gruber & Solnet, 2013).

Di Malaysia, kajian berkaitan dengan remaja dan media sosial ini telah banyak dilakukan oleh sarjana tempatan dalam pelbagai aspek. Antaranya kajian yang telah dilakukan oleh Norazlah Mat Il dan Normaliza Abd Rahim, iaitu "Tahap Penggunaan Instragam dalam Kalangan Pelajar di Universiti Putra Malaysia" (2017). Kajian ini memfokuskan tahap penggunaan Instagram dalam kalangan pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti dan menghuraikan tahap penggunaan Instagram terhadap akaun sendiri, ruangan komen dan akaun pengguna lain dalam kalangan 100 orang pelajar dari pelbagai kaum dan tahun pengajian yang mengikuti program sarjana muda di UPM. Instrumen kajian ini terdiri daripada borang soal selidik yang mengandungi 15 item dan juga kaedah temu bual. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan Instagram terhadap akaun sendiri adalah tidak menggalakkan kerana kebanyakan pelajar tidak sempat mengemas kini akaun disebabkan faktor kesibukkan dengan kuliah. Oleh yang demikian, golongan pelajar ini hanya melayari internet untuk melihat akaun pengguna lain, membaca serta membalas komen yang terdapat di dalam akaun sendiri.

Kajian yang dilakukan oleh Siti Ezaleila Mustafa dari Universiti Malaya (2016) dengan tajuk kajiannya, "Penggunaan Laman Sosial dan Impaknya Terhadap Hubungan Persahabatan dalam Talian". Borang soal selidik telah diedarkan kepada 400 orang responden yang terdiri daripada pengguna aktif laman sosial. Seramai 213 orang terdiri

daripada responden perempuan dan 46.8 peratus lagi terdiri daripada responden lelaki. Kebanyakan responden dalam kajian ini terdiri daripada umur antara 18 tahun hingga 25 tahun yang boleh dikategorikan sebagai golongan remaja. Hasil kajian mendapati lebih 50% responden bersetuju bahawa rangkaian sosial dapat mengembangkan talian persahabatan mereka dengan rakan-rakan baru. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini mendapati bahawa mereka yang menjalinkan persahabatan dalam talian akan mengakhiri persahabatan tersebut dengan mengeluarkan rakan baru itu dari senarai sahabat atas sebab-sebab yang tertentu. Seterusnya, kajian mengenai remaja dan media sosial turut dilakukan oleh Ika Destiana, Ali Salman dan Mohd Helmi Abd. Rahim dengan kajian mereka bertajuk “Penerimaan Media Sosial: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti di Palembang” dalam *Jurnal Komunikasi* (2013). Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang memberikan kesan signifikan terhadap penerimaan dan penggunaan media sosial. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 298 orang pelajar ijazah sarjana muda di Palembang, Indonesia yang berusia antara 17 tahun hingga 25 tahun. Hasil kajian mendapati penerimaan media sosial ini telah dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti faktor kaitan dan rangkaian antara peribadi dan sosial yang memberikan kesan signifikan ke atas penerimaan dan penggunaan media sosial. Namun kajian ini dilakukan di Indonesia, kemungkinan berbeza hasilnya jika dilakukan di Malaysia terutamanya dari aspek generalisasi remaja secara keseluruhannya.

#### *b) Remaja dan Teknologi*

Kemajuan teknologi yang sedang berkembang pada hari ini mengubah wajah sistem komunikasi di negara dunia ketiga. Teknologi bukan sahaja memudahkan perhubungan remaja dengan persekitarannya seperti melalui panggilan telefon, menghantar teks dengan aplikasi *WhatsApps*, memeriksa dan membalas email, mendengar muzik, membaca dan menonton berita malah dapat menjauhkan komunikasi sosial secara bersemuka di dalam keluarga. Ini kerana bentuk komunikasi lisan telah berubah menjadi komunikasi tanpa lisan. Menurut Liu dan Peng (2009), walaupun hubungan kekeluargaan boleh terbentuk dengan perkongsian teknologi seperti penggunaan telefon bimbit, menonton televisyen dan bermain permainan video, teknologi ini juga boleh mengganggu dan menjejaskan masa bersama ibu bapa dan anak-anak. Blair dan Fletcher (2014) mendapati penggunaan teknologi bimbit telah menyebabkan anak-anak lebih rapat dengan rakan-rakan mereka. Hasil kajian turut mendapati, 70.7% remaja melaporkan mereka meluangkan masa kurang daripada dua hingga empat jam sehari dengan bermain permainan video. 34.5% dilaporkan meluangkan masa kurang dari satu jam atau langsung tidak ada masa dengan ibu bapa mereka. Namun kajian tersebut hanya melihat kaitan antara tempoh penggunaan telefon bimbit dalam kalangan anak-anak dan hubungannya dengan ibu bapa.

Satu lagi kajian telah dijalankan oleh Lenhart, Ling, Campbell dan Purchell (2010). Hasil kajian mereka mendapati hampir 75% remaja berusia antara 12-17 tahun memiliki telefon bimbit sendiri pada tahun 2010, berbanding dengan 45% pada tahun 2004. Ini bermakna, lebih separuh daripada pengguna telefon bimbit adalah remaja dalam lingkungan usia 15 hingga 20 tahun. Mereka menghantar atau menerima sekurang-kurangnya 11 mesej berbentuk teks setiap hari, manakala kira-kira satu perlima daripada mereka menulis mesej 21 kali sehari atau lebih. Kekerapan mereka menghantar mesej dilihat sebagai salah satu gaya komunikasi remaja dengan rakan-rakannya. Malah mereka banyak menghabiskan masa bermain permainan video. Malah peningkatan jumlah remaja yang lebih banyak menghabiskan masa mengadap telefon pintar, komputer, dan pelbagai jenis permainan

video, menyebabkan perhatian mereka seolah-olah telah 'diserap' oleh teknologi ini. Penggunaan applikasi *WhatsApps* adalah salah satu punca paling ketara perubahan tingkah laku yang mengurangkan interaksi sosial secara dua hala. Dianggarkan purata remaja memeriksa telefon pintar mereka sebanyak 80 kali sehari (Park, 2005). Dengan peningkatan teknologi ini, tidak mustahil kesejahteraan hidup anak-anak akan terjejas. Mereka mula menjauhkan diri daripada ibu bapa dan ibu bapa sukar memantau apa-apa aktiviti yang dilakukan oleh mereka di media sosial.

Kajian mengenai remaja dan teknologi juga telah banyak dilakukan di Malaysia. Misalnya kajian yang telah dilakukan oleh Naquiah Nahar, Sahrnizam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli dan Abdul Hafiz Abdullah (2018), bertajuk "Impak Negatif Teknologi Moden dalam Kehidupan dan Perkembangan Kanak-kanak Hingga Usia Remaja". Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesan negatif penggunaan teknologi moden terhadap perkembangan fizikal, interaksi dan perkembangan sosial serta perkembangan akademik golongan kanak-kanak hinggalah kepada golongan remaja. Hasil dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa penggunaan teknologi secara berlebihan atau tidak terkawal akan menyebabkan kesan negatif kepada perkembangan fizikal dan otot, kemahiran interpersonal serta kemerosotan prestasi akademik terhadap golongan kanak-kanak dan remaja. Awang Nasrizal Awang Ali, Normadiana Mohammad Hanapi, Mohd Mawardi Mohd Kamal dan Sunardi Sutarman (2016) turut melakukan kajian berkaitan golongan remaja dan teknologi dengan tajuk kajian mereka, iaitu "Kesan dan Pengaruh Gajet terhadap Akhlak dan Tingkah laku Pelajar". Hasil daripada kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa penggunaan gajet dalam kalangan pelajar secara tidak terkawal, secara berlebihan ataupun gajet digunakan bagi tujuan yang tidak berfaedah akan mendorong kepada tingkah laku yang negatif dan boleh menjejaskan prestasi pelajar.

Bahkan kajian berkaitan remaja dan teknologi turut dilakukan oleh Sulaiman Salleh (2017) dengan tajuk kajiannya "Telefon Pintar: Pengaruh terhadap Remaja". Objektif kajian ini adalah untuk melihat pengaruh telefon pintar terhadap golongan remaja. Kedua, mengesan strategi, kaedah, teknik dan cara yang digunakan untuk pengaruhi golongan remaja melalui telefon pintar. Ketiga, adalah cadangan yang sesuai untuk mengurangkan pengaruh telefon pintar terhadap golongan remaja. Hasil kajian ini mendapati terdapat hubungan dan pengaruh yang jelas antara telefon pintar dengan golongan remaja. Pengaruh seperti role model, pencemaran budaya dan aliran informasi yang tidak seimbang boleh mendatangkan kesan yang buruk terhadap golongan remaja. Kajian ini turut mencadangkan ibu bapa supaya memantau dan mengawal aktiviti anak-anak dalam melayari laman sesawang agar anak-anak ini tidak melayari laman sesawang yang tidak berfaedah serta yang mengandungi unsur-unsur tidak baik.

### *c) Komunikasi Remaja - Ibu Bapa dengan Media Sosial dan Teknologi*

Menurut MacGill (2007), media sosial dan teknologi menjadi salah satu konteks terpenting dalam kehidupan anak-anak. Kelekaan menaip dan menatap skrin di telefon pintar ketika berbicara telah menjadi norma hingga mengambil alih komunikasi dua hala yang penting dalam membina perhubungan antara di manusia. Fenomena ini kemungkinan menjadi salah satu punca mengapa media sosial dan teknologi menjejaskan komunikasi terutama di antara remaja dengan ibu bapa mereka. Kajian yang dijalankan oleh Lee dan Gae (2007) terhadap remaja Korea mendapati, remaja yang menggunakan media sosial dan teknologi kurang masa berkomunikasi dengan ahli keluarga yang lain berbanding dengan remaja yang

menggunakan internet untuk tujuan mendapatkan bahan-bahan pelajaran. Responden turut mengakui mereka lebih banyak menghabiskan masa menggunakan internet berbanding masa bersama keluarga, tetapi lebih banyak berkomunikasi dengan rakan-rakan di media sosial. Hal ini diakui oleh kajian yang dijalankan oleh Blinka dan Smahel (2009) yang mendapati pengenalan teknologi baru seperti *Instant Messaging* (IM) dan *facebook* menghasilkan komunikasi cara baru dalam kehidupan remaja di mana mereka boleh berkomunikasi dan membentuk hubungan sosial dengan rakan-rakan di serata dunia dengan mudah. Penyelidikan daripada pengkaji di New Zealand pada tahun 2004 pula meneliti kesan daripada “screen time” atau melihat skrin secara berlebihan ke atas tingkah laku remaja dengan ibu bapa dan rakan sebaya. Hasil kajian mendapati, lebih banyak masa yang dihabiskan untuk bermain permainan video mempunyai kaitan dengan lemahnya komunikasi mereka dengan ibu dan bapa. Lebih banyak masa dihabiskan untuk menonton televisyen pula dikaitkan dengan kurangnya komunikasi dengan rakan sebaya. Bagi penggunaan komputer pula, risiko komunikasi yang rendah dengan ibu bapa meningkat 5 peratus setiap satu jam masa dihabiskan di hadapan komputer.

Dalam konteks kajian di Malaysia pula, beberapa orang pengkaji telah melihat kajian berkaitan dengan komunikasi remaja ibu bapa dengan media sosial dan teknologi. Antaranya termasuklah kajian yang telah dijalankan oleh Che Su dan Nan Zakiah (2014) berkaitan dengan persepsi ibu bapa terhadap penggunaan *Facebook* dalam kehidupan anak-anak. Hasil kajian mendapati terdapat jurang generasi yang menyebabkan proses komunikasi di antara ibu bapa dan anak-anak menjadi semakin mencabar. Kurangnya komunikasi di antara golongan tua dan muda mengakibatkan pemisahan budaya dalam keluarga terutamanya dalam perbezaan pola pandangan antara ibu bapa dan anak-anak terutamanya apabila anak-anak terdedah kepada pertembungan budaya. Nilai kehidupan juga semakin berubah antara satu generasi dengan generasi yang lain. Hal ini memberikan kesan kepada komunikasi di mana komunikasi tidak lagi bersifat dua hala. Ibu bapa hari ini perlu bersaing dengan media sosial untuk membentuk komunikasi yang berkesan dengan anak-anak kerana komunikasi adalah asas kepada sesebuah keluarga untuk berfungsi dengan baik. Selain itu, kajian oleh Safurah, Khaizuran dan Azmi (2010) mendapati generasi Z hari ini membesar dengan media sosial dan teknologi sekali gus menjadikan kedua-dua medium ini sebagai alat untuk berkomunikasi dengan ibu bapa mereka. Hasil kajian turut mendapati sebanyak lapan jenis aplikasi media sosial yang popular dikalangan remaja iaitu *Facebook*, *Youtube*, *Twitter*, *Blog*, *WhatsApp*, *Telegram*, *WhatsApp* dan *Instagram*. Hal ini menyebabkan remaja kurang berkomunikasi secara dua hala dengan ibu bapa mereka.

Hasil kajian ini turut diakui oleh Normah, Wan Amizah, Fauziah, Maizatul dan Mohd Helmi (2013) bahawa tahap kebergantungan remaja terhadap media sosial dan teknologi adalah tinggi dan mereka bergantung kepada internet melebihi enam jam sehari. Jelas disini menunjukkan remaja menggunakan kemudahan media sosial dan teknologi dalam setiap aspek dan ruang dalam kehidupan mereka. Ibu bapa hari ini seakan-akan terpinggir dari ruang sosial anak-anak sehingga menjadikan mereka sukar untuk mengawal aktiviti anak-anak di dunia yang serba canggih. Bukan itu sahaja, ibu bapa juga harus berusaha untuk terus berada dalam lingkungan kehidupan anak dan cuba memantau anak-anak dalam penggunaan media sosial dan teknologi. Ini kerana, jika dahulu secara tradisinya komunikasi di antara ibu bapa dan anak berlaku secara bersemuka, tetapi kini media sosial dan teknologi telah mengambil alih corak komunikasi dalam kalangan ahli keluarga. Remaja hari ini kurang berkomunikasi dengan ibu bapa kerana sibuk melayari internet, bermain gajet dan sebagainya. Mereka berasa lebih selesa berkomunikasi dengan ibu bapa melalui

teknologi walhal media sosial dan teknologi sama sekali tidak dapat menggantikan proses komunikasi sesama manusia (Johari & Raja Shahrina, 2012).

Bukan itu sahaja, kajian Mohd Effendi (2010) dalam kajiannya ke atas pelajar sekolah telah melaporkan bahawa 38% pelajar secara dominan akan menggunakan laman *Facebook* secara purata 2 jam sehari, 56% telah mempunyai pengalaman menggunakan *Facebook* selama tiga tahun, anggaran jumlah rakan adalah seramai 201 hingga 300 orang rakan. Boleh dikatakan media terutamanya media sosial merupakan satu keperluan wajib bagi remaja hari ini dan dianggap sebagai sebahagian dari kehidupan moden dan gaya hidup terkini. Hal ini kerana, media sosial dan teknologi telah menyediakan ruang kepada remaja untuk berkomunikasi antara satu sama lain dengan cara yang paling mudah dan pantas contohnya melalui *Facebook, Messenger, Twitter, Skype, Instagram*, laman blog, forum dan sebagainya. Malah reka bentuk teknologi terkini memaksa remaja melihat skrin selama berjam-jam dan ini mempunyai kesan ke atas pembentukan hubungan interpersonal. Peningkatan jumlah remaja yang lebih banyak menghabiskan masa dengan media sosial dan pelbagai jenis permainan video menyebabkan perhatian mereka seolah-olah diserap oleh peranti tersebut. Hal ini mengurangkan komunikasi mereka dengan ibu bapa dan akan menyebabkan perubahan tingkah laku yang sangat ketara. Ini kerana, persekitaran sosial yang merangkumi ibu bapa sangat penting kerana melalui komunikasi dua hala antara ibu bapa dan anak-anak menyebabkan anak-anak menerima maklum balas daripada ibu bapanya. Malah proses perkembangan diri remaja juga dalah melibatkan komunikasi mereka dengan anggota masyarakat yang ada disekitarnya.

Rata-rata hasil kajian lepas setakat ini nampaknya menunjukkan hasil yang positif dalam hubungan kedua-dua pembolehubah (komunikasi dan penggunaan media sosial dan teknologi). Namun, kebanyakan kajian lepas yang dihuraikan di atas hanya menggunakan kaedah kualitatif dan tidak menggunakan populasi yang besar. Maka hasil kajian tidak dapat digeneralisasikan. Oleh itu, kajian berkaitan dengan komunikasi remaja-ibu bapa dan media sosial-teknologi harus diperbanyakkan untuk lebih memahami interaksi yang kompleks ini. Malah hampir semua pengkaji tempatan dilihat tidak menyentuh aspek budaya walhal sememangnya wujud elemen budaya yang berbeza dalam konteks keluarga Barat dan Asia. Ini kerana, secara amnya dalam konteks Malaysia, budaya masyarakatnya adalah lebih kolektivistik, remaja biasanya akan mengekalkan hubungan mereka dengan ibu bapa dan keluarganya. Maka adalah penting untuk dijalankan satu kajian berkaitan dengan komunikasi dalam budaya masyarakat orang Asia agar hasil kajian yang diperoleh akan menjadi lebih jelas.

#### KESAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DAN TEKNOLOGI KEPADA REMAJA

Penggunaan media sosial dan teknologi kepada golongan remaja boleh mendatangkan dua bentuk kesan yang utama, iaitu kesan positif serta kesan negatif. Kesan berbentuk positif adalah golongan remaja akan mendapat pelbagai maklumat yang penting tentang pelajaran mereka serta mengetahui tentang isu terkini dan keadaan dunia pada hari ini. Kecanggihan teknologi seperti Internet akan memberikan golongan remaja mendapatkan pelbagai ilmu yang bermanfaat (Tillema, Dijst & Schwanen, 2010). Selain itu juga penggunaan media sosial dan teknologi dapat memudahkan urusan melalui sistem atas talian (*online*). Ini akan dapat menjimatkan masa dalam kehidupan seharian. Namun begitu, jika penggunaan media sosial dan teknologi dilakukan secara berlebihan ia boleh mendatangkan beberapa kesan negatif terhadap golongan remaja ini. Antara kesan yang utama adalah dari aspek perkembangan

fizikal golongan remaja, kedua perkembangan dari sudut akademik dan ketiga dari aspek interaksi dan perkembangan sosial (Naquiah, Sahrudin, Dharsigah, Nurhidayu & Abdul Hafiz, 2017). Dari aspek perkembangan fizikal jika golongan remaja ini terlampaui taksu dengan media dan teknologi seperti telefon pintar ia akan menyebabkan golongan remaja ini mengalami masalah obesiti atau kegemukan. Memandangkan aktiviti bermain dengan gajet dilakukan dengan jangka masa yang lama, golongan remaja ini tidak dapat membakar kalori di dalam tubuh badan mereka disebabkan kurangnya pergerakan atau aktiviti fizikal yang dilakukan semasa bermain dengan gajet atau media elektronik yang lain.

Di samping itu juga, kesan negatif yang akan timbul akibat daripada penggunaan media sosial dan teknologi secara berlebihan ialah golongan remaja akan mengalami gangguan tidur kerana leka bermain *gajet* sehingga lewat malam. Pantulan cahaya daripada skrin gajet tersebut akan menyebabkan urat saraf terganggu serta menjejaskan kesihatan mata sehingga menyebabkan rabun. Faktor kekurangan waktu tidur akan mengganggu proses tumbesaran anak-anak serta menjejaskan perkembangan fizikal dan pertumbuhan tubuh badan mereka (Naquiah et al., 2017). Masalah juga akan timbul dari sudut akademik jika penggunaan media sosial dan teknologi ini digunakan secara berlebihan. Misalnya, waktu pembelajaran atau mengulang kaji pelajaran akan terjejas sekiranya golongan remaja terlalu taksu melayan gajet sekali gus melalaikan mereka. Pelbagai aplikasi yang terdapat dalam media sosial dan *gajet* lebih menarik minat golongan remaja ini daripada menghadap buku pelajaran. Antara media sosial yang popular dalam kalangan remaja adalah *Facebook, Instagram, Twitter, Skype, blog, forum* dan sebagainya menyebabkan remaja menghabiskan lebih banyak masa sehingga mengabaikan kerja sekolah mahupun waktu belajar. Kesan yang ketiga ialah dari aspek interaksi dan perkembangan sosial. Interaksi sosial adalah hubungan timbal balik antara individu dengan individu mahupun kelompok yang lain. Interaksi sosial ini amat penting dalam sesebuah organisasi. Jika individu itu tidak berinteraksi dengan individu atau kelompok yang lain, mereka akan bersikap 'introvert' atau lebih dikenali sebagai manusia yang anti-sosial.

#### STRATEGI UNTUK IBU BAPA ERA MEDIA SOSIAL DAN TEKNOLOGI

Terdapat lima strategi efektif yang dapat digunakan oleh ibu bapa pada era media sosial dan teknologi serta implementasi terhadap penyelesaian masalah yang sesuai dalam masalah komunikasi di antara ibu bapa dan anak-anak dengan dunia digital pada hari ini (Livingstone, 2008). Strategi ini digambarkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Strategi yang efektif untuk ibu bapa

Pilih <i>mindset</i> yang betul	Terokai Teknologi	Tingkatkan Kesedaran	Kukuhkan Teknologi	Kukuhkan <i>Meatware</i>
Bertindak atas diri sendiri	Menerima teknologi	Hadapi realiti	Keselamatan teknologi	Keselamatan manusia

#### *Strategi 1 - Pilih Mindset yang Betul*

Strategi pertama ialah memfokuskan kepada gaya keibubapaan dalam era media sosial dan teknologi. Ibu bapa harus mengenal pasti gaya keibubapaan jenis apakah yang perlu diambil kira mengikut perkembangan anak-anak mereka. Empat jenis gaya keibubapaan yang ada dalam era media dan teknologi adalah ibu bapa primitif. Ibu bapa ini mempunyai gaya pengasuhan yang tinggi tetapi kecekapan media sosial dan teknologi yang rendah. Selalunya

ibu bapa ini tidak akan mengambil tahu apa-apa hal yang berkaitan dengan media sosial dan penggunaan teknologi. Kedua adalah ibu bapa siber. Ibu bapa ini mempunyai kecelikan media sosial dan teknologi yang tinggi. Ini adalah gaya pengasuhan yang paling ideal dalam era media sosial dan teknologi. Ketiga adalah ibu bapa yang bersikap tidak ambil tahu. Ibu bapa ini mempunyai gaya keibubapaan dan kecelikan media sosial dan teknologi yang rendah. Ibu bapa jenis ini merupakan ibu bapa yang tidak bertanggungjawab. Terakhir adalah ibu bapa *geek*. Ibu bapa ini mempunyai gaya keibubapaan yang rendah dan kecelikan media sosial dan teknologi yang tinggi. Mereka selalunya kurang berhubung dengan anak-anak mereka.

Di antara keempat-empat gaya keibubapaan ini, gaya keibubapaan siber sangat bertepatan dengan dunia teknologi pada hari ini kerana ibu bapa menyokong penggunaan media dan teknologi dan dalam masa yang sama ibu bapa turut serta dengan perkembangan tersebut dengan menetapkan peraturan dan limitasi yang munasabah. Sungguhpun ibu bapa menggalakkan anak-anak menerokai dunia teknologi, namun dalam masa yang sama ibu bapa menghadkan pendedahan teknologi tersebut contohnya ibu bapa bersifat tegas dan berdisiplin tetapi bersifat mesra. Gaya keibubapaan ini amat penting dan perlu pada hari ini bagi menangani keburukan yang boleh dibawa oleh media dan teknologi kepada anak-anak. Hubungan yang tidak mesra ibu bapa-anak menyebabkan anak-anak menjarakkan hubungan dengan ibu bapa.

### *Strategi 2 - Terokai Penggunaan Teknologi*

Selepas mengenal pasti gaya pengasuhan dalam era media sosial dan teknologi, strategi kedua adalah ibu bapa perlu memfokuskan diri dan melibatkan diri dalam dunia teknologi. Strategi ini bertujuan untuk berhadapan dengan penggunaan teknologi yang positif sebagai platform sosial yang berguna kepada anak-anak mereka. Ibu bapa yang terlibat perlu menerokai penggunaan media sosial dan teknologi bagi mengalami budaya digital seperti mana yang dilakukan oleh anak-anak mereka dalam kehidupan sosial. Oleh itu, ibu bapa harus memahami penggunaan teknologi dan internet, rangkaian sosial *online* dan perkongsian maklumat. Strategi ini termasuk beberapa elemen digital, iaitu akses digital, jual beli digital, komunikasi digital, kecelikan digital, undang-undang digital, hak dan tanggungjawab digital, kesihatan dan kesejahteraan digital, dan keselamatan digital.

Strategi ini akan menghasilkan ibu bapa yang mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam budaya digital serta keyakinan untuk membentuk komunikasi dengan anak-anak mereka mengenai penggunaan media sosial dalam dunia teknologi. Contohnya, ibu bapa turut serta mengikuti latihan dan seminar mengenai pengendalian media massa dan teknologi untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dalam penerokaan dunia teknologi pada hari ini. Melalui cara ini juga, ibu bapa dapat memantau penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian anak-anak mereka. Pemantauan terhadap penggunaan media dan teknologi memerlukan kesungguhan dan kesabaran oleh ibu bapa agar ia dapat dimanfaatkan dengan semaksimum mungkin demi kesejahteraan pembangunan diri anak-anak. Ini kerana, ancaman dan risiko daripada media sosial dan teknologi dikatakan semakin kompleks dan meningkat secara drastik dari semasa ke semasa.

### *Strategi 3 - Tingkatkan Kesedaran*

Strategi ini pula memfokuskan kepada kesan buruk penggunaan media sosial dan teknologi. Ini termasuklah kelemahan media dan teknologi yang boleh dimanipulasikan seperti

penjenayah siber, kesan terhadap psikologi dan tingkah laku, masalah kesihatan dan kesejahteraan. Ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dalam kalangan ibu bapa di mana penglibatan anak-anak mereka dalam dunia media dan teknologi sosial yang mempunyai pelbagai ancaman. Namun, ancaman-ancaman ini boleh dikawal sekiranya ibu bapa mengakui punca ia berlaku. Tidak cukup hanya dengan kecelikan digital sahaja, tetapi ibu bapa juga harus terlibat secara aktif dalam meningkatkan kesedaran terhadap penggunaan media sosial dan teknologi. Contohnya, ibu bapa perlu sentiasa memantau aktiviti anak-anak dengan menghadkan tempoh masa anak-anak menggunakan telefon pintar, komputer dan *gadget* untuk meningkatkan kesedaran kepada anak-anak tentang kesan buruk penggunaan media sosial dan teknologi yang berlebihan.

Setiap ibu bapa perlu memiliki ilmu berkaitan dengan teknologi terutamanya penggunaan telefon pintar dan komputer riba untuk membolehkan mereka memantau laman sesawang yang dikunjungi oleh anak-anak. Terdapat beberapa kaedah penyaringan laman web yang perlu diketahui oleh ibu bapa contohnya perisian *Internet Security and Acceleration, Cybernany, NetNanny, CyberPatrol, NetFilter Home, Cybersitter* yang dicipta untuk menyaring setiap kandungan laman web secara berkesan. Malah *Internet browser* pada hari ini dibekalkan dengan 'Child Lock' yang dapat menghalang anak-anak daripada memuat turun segala aplikasi yang tidak sesuai untuk mereka *google play* atau *playstore*. Kesedaran berkaitan hal ini sangat penting bagi memastikan anak-anak tidak terdedah dengan laman web yang tidak sihat yang mengundang kesan negatif terhadap perkembangan sosial mereka.

#### *Strategi 4 - Kukuhkan Teknologi*

Strategi yang keempat memfokuskan kepada keselamatan berkaitan dengan media sosial dan teknologi seperti komputer, *tablet, smartphone*, sistem operasi, aplikasi perisian perkhidmatan internet (email). Namun, ibu bapa harus menguatkuasakan peraturan ini kepada anak-anak mereka supaya penyelesaian keselamatan berasaskan teknologi ini boleh diimplementasikan. Sebagai contoh, perkongsian maklumat peribadi yang tidak terkawal oleh anak-anak di media sosial menyebabkan berlakunya kecurian maklumat peribadi, pencerobohan data, penyalahgunaan maklumat dan sebagainya. Hal ini secara tidak langsung memberikan peluang kepada pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menyalahgunakan maklumat peribadi tersebut dan menyebabkan keselamatan anak-anak terancam. Anak-anak berada dalam keadaan berisiko tinggi tanpa mereka sedari. Ibu bapa seharusnya bersifat tegas dalam menasihati anak-anak dan memberikan kesedaran agar lebih berhati-hati apabila anak-anak berkongsi maklumat di media sosial.

Aspek keselamatan dan kerahsiaan maklumat peribadi memainkan peranan yang penting dalam isu pengawasan sosial ini. Keghairahan anak-anak muda pada hari ini berkongsi gambar, status dan lokasi dikhuatiri membahayakan dirinya, ahli keluarga dan individu yang lain. Maka ibu bapa perlulah sentiasa memantau penggunaan media massa dan teknologi dalam kalangan anak-anak mereka. Selain itu, ibu bapa harus berkomunikasi secara terbuka dengan anak-anak, menasihati dan memberikan peringatan di samping membuat pemeriksaan ke atas akaun talian anak-anak dari masa ke masa agar anak-anak tidak terjerumus ke arah gejala yang tidak sihat di masa akan datang.

#### *Strategi 5 - Kukuhkan Meatware*

Strategi ini adalah sebahagian daripada keselamatan teknologi (*hardware* dan *software*). Walaupun perimeter keselamatan berkaitan teknologi telah diimplementasikan, anak-anak

masih berpotensi terdedah kepada manipulasi jahat oleh penjenayah siber dan eksploitasi jual beli, pembuli cyber, *pedofilia*, *cyberstalker* dan banyak lagi salah laku dalam penggunaan media dan teknologi. Strategi ini memfokuskan kepada peningkatan kesedaran mengenai tingkah laku dan norma yang sesuai dalam penggunaan media sosial dan teknologi. Namun ilmu dan kemahiran dalam kecelikan teknologi juga diperlukan untuk mengukuhkan *meatware* (pengguna akhir).

Oleh itu, adalah sangat penting untuk mengajar ibu bapa mengenai implementasi penyelesaian keselamatan bagi penggunaan media dan teknologi dengan anak-anak untuk mengatasi ancaman internet. Hal ini kerana, implementasi penyelesaian berasaskan media dan teknologi tidak memberikan perlindungan sepenuhnya dalam menghasilkan suasana keluarga *online* yang selamat. Anak-anak harus dilindungi kerana penyelesaian keselamatan berasaskan media dan teknologi tidak mempunyai mekanisme perlindungan bagi salah laku anak-anak dalam dunia digital. Antara implementasi terhadap penyelesaian masalah komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak pada dunia media sosial dan teknologi adalah seperti berikut:

1. Rancangan Implementasi Pertama - Pembangunan Kecekapan Keibubapaan *Cyber*
2. Rancangan Implementasi Kedua - Mencari Penyelesaian Yang Sesuai
3. Rancangan Implementasi Ketiga - Membina Hubungan Ibu Bapa-Anak

#### *1. Rancangan Implementasi Pertama - Pembangunan Kecekapan Keibubapaan Cyber*

Terma keibubapaan *cyber* merujuk kepada kecekapan dalam kecelikan digital (*digital literacy*) dan warga digital (*digital citizen*) sambil menunjukkan cara keibubapaan yang sesuai dalam budaya digital. Kajian tentang Kesedaran Keselamatan Siber dalam kalangan murid sekolah rendah dan menengah pada tahun 2016 mendapati 51% daripada remaja di Malaysia tidak mempunyai peraturan atau sempadan mengenai bagaimana mereka menggunakan atau berkelakuan dalam Internet. Oleh itu, ibu bapa haruslah membangunkan diri dengan cuba untuk masuk ke dunia siber anak anda dan mengamati penggunaan Internet anak-anak. Namun, ibu bapa perlulah memantau penggunaan tersebut dengan memasang aplikasi kawalan ibu bapa ke atas setiap peranti yang digunakan oleh anak-anak untuk melayari Internet. Antara langkah yang sesuai diambil oleh ibu bapa untuk mengelakkan ancaman media sosial dan teknologi adalah dengan meminta anak-anak untuk merahsiakan maklumat peribadi seperti nama, nombor telefon dan alamat mereka, mengajar anak-anak untuk tidak menekan pautan yang sebarangan dan juga berbincang dengan anak-anak mengenai kesan buruk aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti laman web pornografi. Hal ini sangat penting untuk menyelamatkan anak-anak daripada penjenayah siber dan mengelakkan anak-anak daripada terjerumus kepada pengaruh negatif seperti keganasan dan ketagihan terhadap media sosial dan teknologi.

#### *2. Rancangan Implementasi Kedua - Mencari Penyelesaian yang Sesuai*

Keibubapaan dalam budaya digital memerlukan kefahaman mengenal pasti penyelesaian yang sesuai kepada ancaman media dan teknologi. Tambahan pula, ancaman ini mempunyai perspektif yang berlainan dan berpotensi membahayakan anak-anak jika penyelesaian yang sesuai tidak diambil kira. Oleh itu, rancangan implementasi kedua terdiri daripada dua strategi kukuhkan teknologi dan kukuhkan *meatware*. Tanpa penglibatan dalam kecelikan digital dan warga digital, ibu bapa tidak boleh mengenal pasti strategi-strategi ini. Antara

langkah yang wajar diambil oleh ibu bapa adalah dengan mencari penyelesaian yang sesuai seperti mempelajari asas-asas perisian, permainan dan aplikasi sedia ada contohnya *familyresources* dan mendapatkan maklumat berkaitan dengan media sosial dan teknologi melalui laman sesawang *www.norton.com*. Bukan itu sahaja, ibu bapa juga perlu memiliki akaun media sosial supaya mereka tahu bagaimana platform tersebut berfungsi dalam dunia siber pada hari ini. Namun, ibu bapa perlulah menggunakan media sosial dengan berhemah untuk menjadi contoh kepada anak-anak. Hal ini penting untuk mencegah risiko ancaman siber yang semakin berleluasa pada hari ini. Komunikasi yang kurang baik antara ibu bapa dengan anak-anak boleh menyebabkan anak-anak berasa terasing dan rendah diri.

### 3. Rancangan Implementasi Ketiga - Membina Hubungan Ibu bapa Anak-anak

Rancangan implementasi ketiga adalah memfokuskan kepada membina komunikasi berkesan di antara ibu bapa dan anak-anak. Komunikasi berkesan yang dibina di antara ibu bapa dan anak-anak dalam budaya digital dikukuhkan apabila ibu bapa mengenal pasti norma tingkah laku yang sesuai dalam penggunaan media sosial dan teknologi. Ibu bapa siber juga perlu memupuk hubungan saling mempercayai dan sentiasa berkomunikasi dengan anak-anak berkaitan peraturan dalam penggunaan media sosial dan teknologi. Ibu bapa pada hari ini sebenarnya turut terperangkap dengan kepesatan media sosial dan teknologi. Ada kalanya ibu bapa menggunakan kemudahan teknologi seperti telefon pintar di hadapan anak-anak sehingga menyebabkan anak-anak turut menggunakan teknologi ini secara keterlaluan. Maka, ibu bapa perlulah mengurangkan penggunaan media sosial dan teknologi seperti komputer riba di hadapan anak-anak. Ibu bapa juga perlu menunjukkan teladan yang baik agar anak-anak dapat mengikut langkah ibu bapa mereka. Ini kerana, anak-anak sentiasa memerhatikan ibu bapanya. Oleh itu, ibu bapa siber harus menjadi contoh yang baik kepada anak-anak dengan membina komunikasi yang positif dengan anak-anak, contohnya merancang pelbagai aktiviti bersama anak-anak.

## KESIMPULAN

Seiiring dengan peredaran masa, perkembangan media massa dan teknologi membolehkan manusia dari seluruh dunia berhubung dan berkomunikasi antara satu sama lain dengan cepat dan di mana saja. Komunikasi keluarga dapat membangunkan hubungan yang kukuh antara ibu bapa dan anak-anak. Namun, kehadiran media sosial dan teknologi seperti penggunaan internet, *Facebook* dan aplikasi *WhatsApps* dikatakan dapat mempengaruhi kestabilan sesebuah keluarga dan anak-anak semakin kurang berkomunikasi dengan ibu bapa. Ibu bapa haruslah menangani perubahan dalam hubungan komunikasi mereka dengan anak-anak kerana kini keutamaan anak-anak adalah lebih tinggi terhadap media sosial dan teknologi. Bukan itu sahaja, ibu bapa bertanggungjawab terhadap risiko dan ancaman siber yang melibatkan anak-anak dan perlu berusaha mengajar anak-anak supaya menggunakan media massa dan teknologi dengan sebaiknya.

## BIODATA

*Nurhamizah Hashim* merupakan pensyarah di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Emel: [aaee@um.edu.my](mailto:aaee@um.edu.my)

*Asbah Razali* merupakan pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Emel: [asbahrazali@um.edu.my](mailto:asbahrazali@um.edu.my)

#### RUJUKAN

- Awang Nasrizal Awang Ali, Normadiana Mohammad Hanapi, Mohd Mawardi Mohd Kamal, & Sunardi Sutarman. (2016). Kesan dan pengaruh gajet terhadap akhlak dan tingkah laku pelajar. *Prosiding Konferensi Akademik*, 269-273.
- Barnes, H. L., & Olson, D. H. (1985). Parent adolescent communication and the circumplex model. *Child Development*, 56, 438-447.
- Blair, B. L., & Fletcher, A. C. (2014). Implications of the family expert role for parental rules regarding adolescent use of social technologies. *New Media & Society*, 18(2), 239-256.
- Blinka, L., & Smahel, D. (2009). Fourteen is fourteen and a girl is a girl: Validating the identity of adolescent bloggers. *CyberPsychology & Behavior*, 12(6), 735-739.
- Bolton, R. N., Parasuraman, A., Hoefnagels, A., Michels, N., Kabadayi, S., Gruber, T., Solnet, D. (2013). Understanding generation Y and their use of social media: A review and research agenda. *Journal of Service Management*, 24(3), 245-267.
- Bronfenbrenner, U. (1986). Ecology of the family as a context for human development: Research perspectives. *Developmental Psychology*, 22(6), 723-742.
- Che Su Mustaffa, & Nan Zakiah Megat Ibrahim (2014). Persepsi dan penggunaan media sosial dari perspektif ibu bapa: Satu analisis kualitatif. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 30, 43-74.
- Cox, M. J., & Paley, B. (1997). Families as systems. *Annual Review of Psychology*, 48, 243-267. doi: 10.1146/annurev.psych.48.1.243
- Fauziah Hanim Jalal. (2013) *Kesan ICT terhadap kesejahteraan kanak-kanak*. Ceramah Keibubapaan, 29 November 2013. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ika Destiana, Ali Salman, & Mohd Helmi Abd Rahim. (2013). Penerimaan media sosial: Kajian dalam kalangan pelajar universiti di Palembang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(2), 125-140.
- Internet World Stats. (2011). *Usage and population statistics*. Retrieved from <http://www.internetworldstats.com/stats.htm>
- Johari Hassan, & Raja Shahrina. (2012). Ketagihan penggunaan internet di kalangan remaja sekolah tingkatan 4 di bandaraya Johor Bahru. *Journal of Technical, Vocational & Ingeneering Education*, 6, 23-43.
- Lee, S. J., & Gae, Y. (2007). Children's internet use in a family context: Influence on family relationships and parental mediation. *CyberPsychology & Behavior*, 10(5), 640-644. doi: 10.1089/cpb.2007.9975
- Lenhart, A., Ling R., Campbell, S., & Purchell, K. (2010). Teens and mobile phones. *Pew Internet & American Life Project*. Retrieved from <http://www.pewinternet.org/Reports/2010/Teensand-Mobile-Phones/Summary-of-findings.aspx#footnote1>
- Liu, M., & Peng, W. (2009). Cognitive and psychological predictors of the negative outcomes associated with playing MMOGs (massively multiplayer online games). *Computers in Human Behaviors*, 25, 1306-1311.
- MacGill, A. R. (2007). Parents, teens and technology. *Pew Internet and American Life Project*. Retrieved on September 22, 2019, from <http://pewresearch.org/pubs/621/>
- Mesthere. E. G (1970). *Technological change: Its Impact on man and society*. UK: Harvard University Press.

- Mohamad Hafifi Jamri, Nurzali Ismail, Jamilah Hj. Ahmad, & Darshan Singh. (2017). Kempen kesedaran kesihatan awam: Satu tinjauan literatur dari sudut penggunaan media dan komunikasi di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(3), 1-20.
- Mohd Effendi Mohd Matore. (2010). *Facebook: Fenomena yang membawa ketagihan. Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT 2010*. Diakses dari [http://www.kuis.edu.my/ictconf/proceedings/606\\_integration2010proceedings.pdf](http://www.kuis.edu.my/ictconf/proceedings/606_integration2010proceedings.pdf)
- Mohd Zaidi Mahmud, & Bahiyah Omar. (2013). Motif dan kekerapan penggunaan *Facebook* dalam kalangan pelajar universiti. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(1), 35-54.
- Naquiah Nahar, Sahrnunizam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli, & Abdul Hafiz Abdullah. (2018). Impak negatif teknologi moden dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak hingga usia remaja. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, (5), 187-199.
- Norazlah Mat Il & Normaliza Abd Rahim. (2017). Tahap penggunaan Instragram dalam kalangan pelajar di Universiti Putra Malaysia. *Journal of Business and Sosial Development*, 5(2), 111-121.
- Normah Mustaffa, Maizatul Haizan Mahbob, Wan Amizah Wan Mahmud, Fauziah Ahmad, & Mohd. Helmi Abd. Rahim. (2013). Kebergantungan internet dan aktiviti online remaja di Lembah Klang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(1), 199-212.
- Richards, R., McGee, R., Williams, S. M., Welch, D., & Hancox, R. J. (2010). Adolescent screen time and attachment to parents and peers. *Archives of Pediatrics and Adolescent Medicine*, 164(3), 258-262.
- Safurah Abd Jalil, Khairuzan Abd Jalil, & Azmi Abd Latiff. (2010). *Social media and our youths today: Exploring the impact of social media on Malaysian youths*. Presented in International Conference on Communications and Media. Retrieved on October 5, 2019, from <http://eprints.uthm.edu.my/469/>
- Siti Ezaleila Mustafa. (2014). Penghijrahan dari dunia reality ke dunia maya: Tinjauan umum terhadap dunia maya terpilih. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 30(Special Issue), 243-258.
- Siti Ezaleila Mustafa. (2016). Penggunaan laman sosial dan impaknya terhadap hubungan persahabatan dalam talian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(2), 65-81.
- Smith, J., Berthelsen, D., & O'Connor, I. (1997). Child adjustment in high conflict families. *Child: Care, Health, and Development*, 23, 113-133.
- Sobkowiak, B. (1998). *Social communication in contemporary communication systems*. Wroclaw: Wydawnictwo Uniwersytetu Wroclawskiego.
- Subrahmanyam, K., & Greenfield, P. (2008). Online communication and adolescent relationships. *The Future of Children*, 18(1), 119-146.
- Sulaiman Salleh. (2017). *Telefon pintar: Pengaruh terhadap remaja*. Kertas dibentangkan di 4th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017) Institut Latihan Malaysia (ILIM) Bangi, 7 September 2017 (hlm. 165-172).
- Tillema, T., Dijst, M., & Schwanen, T. (2010). Face-to-face and electronic communications in maintaining social networks: The influence of geographical and relational distance and of information content. *New Media & Society*, 12(6), 965-983.